

Nama Produk : My30

Keterangan Produk : Rapid KL Perjalanan Tanpa Had Selama 30 Hari

Tarikh Mula : 1 Januari 2021

Pendahuluan : Rapid KL memperkenalkan pas My30 – Perjalanan tanpa had selama 30 hari kepada semua warganegara Malaysia. Pas My30 telah mula dijual pada 15 Jun sehingga 31 Disember 2020 dan telah dilanjutkan berikutan kelulusan Belanjawan 2021. Pas My30 pada mulanya menawarkan perjalanan tanpa had di kesemua rangkaian Rapid KL dan pada 1 Januari 2021, penggunaan pas My30 diperluaskan ke rangkaian bas Rapid Kuantan dan Rapid Penang. Ini dapat memberikan penjimatan yang lebih berganda.

1. Apakah pas My30 dan faedahnya?

Pas My30 diperkenalkan untuk mengurangkan kesan COVID-19 dikalangan pelanggan kami dan menawarkan perjalanan tanpa had selama 30 hari di kesemua rangkaian RapidKL rel dan bas. Anda boleh melanggan pas ini pada bila-bila masa bermula 15 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020. Pas ini membolehkan anda menggunakan perkhidmatan RapidKL tanpa had setiap hari. Pas My30 hanya boleh dilanggan menerusi MyKad atau MyTentera yang mempunyai fungsi Touch 'n Go atau kad konsesi MyRapid bagi pelajar yang berumur 12 tahun ke bawah sahaja. Tempoh langganan bermula 15 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020. Pada 6 November 2020, pas My30 diperluaskan ke Pulau Pinang dan Kuantan bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 seperti yang dibentangkan di dalam Belanjawan 2021.

2. Berapa banyakkah jenis produk yang ditawarkan?

Bermula 1 Januari 2021, RapidKL menawarkan pas My30: Perjalanan tanpa had di kesemua rangkaian RapidKL iaitu MRT, LRT, Monorel, BRT, bas Rapid KL dan bas perantara MRT dengan hanya RM30 selama 30 hari. Manakala, bagi Rapid Kuantan dikenali sebagai Pas Lestari My30 dan Rapid Penang sebagai Pas Mutiara My30.

3. Apakah syarat kelayakkan untuk melanggan pas My30?

Anda haruslah merupakan warganegara Malaysia dan mempunyai MyKad atau MyTentera yang sah.

4. Berapa lamakah pas My30 akan berada dipasaran?

Produk ini boleh dilanggan bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.

5. Dimanakah saya boleh melanggan pas My30?

Anda boleh melanggan di semua kaunter khidmat pelanggan Rapid KL, Rapid Kuantan dan Rapid Penang seperti yang tertera di bawah:

- a) Semua stesen LRT
- b) Semua stesen MRT
- c) Semua stesen Monorel
- d) Semua stesen BRT
- e) Bagi Rapid KL, hab bas terpilih:
 - Pasar Seni
 - Seksyen 2, Shah Alam
 - Sri Nilam
 - Greenwood
 - Pearl Point
 - Puchong Utama
 - KLCC
 - Sunway Pyramid
- f) Bagi Rapid Kuantan, hab bas terpilih:
 - Hentian Bandar
 - Masjid Negeri
 - Taman Tas
 - Universiti Malaysia Pahang, Gambang
- g) Bagi Rapid Penang, kaunter kiosk terpilih:
 - Komtar
 - Weld Quay (Terminal B)
 - Penang Sentral
 - Bukit Jambul
 - Ibu Pejabat Rapid Penang (Lorong Kulit)
 - Kompleks Dato' Kailan (Kepala Batas)
 - Balik Pulau
 - Bukit Mertajam

6. Bilakah saya boleh mula melanggan pas My30?

Anda boleh melanggan bermula 1 Januari 2021 atau pada bila-bila masa selepas itu sehingga 31 Disember 2021.

7. Bagaimanakah langkah-langkah untuk melanggan pas My30 di Lembah Kelang?

Anda hanya perlu membawa MyKad atau MyTentera ke mana-mana kaunter khidmat pelanggan Rapid KL. Sila rujuk soalan lazim bagi langganan baru di portal kami www.myrapid.com.my untuk keterangan lanjut.

- i) Sila bawa MyKad atau MyTentera anda ke mana-mana kaunter khidmat pelanggan RapidKL dan hab bas terpilih. Anda dikehendaki menambah nilai kad MyKad atau MyTentera sebanyak minimum RM40. Sebanyak RM0.50 akan ditolak untuk cas tambah nilai. Selepas penolakan RM0.50, baki RM9.50 disimpan di dalam system Touch 'n Go anda. Baki ini tidak akan ditolak lagi di dalam sistem kami melainkan anda

menggunakannya untuk transaksi selain di rangkaian RapidKL (di tol, kedai serbaneka, pusat membeli-belah dan sebagainya).

- ii) Sila rancangkan terlebih dahulu jadual perjalanan anda sebelum menggunakan rangkaian RapidKL kami. Pas My30 yang dilanggan akan diaktifkan sebaik sahaja anda menyentuh pas di pintu masuk rangkaian RapidKL. Anda boleh membuat pengaktifan pas untuk pembaharuan pas secara automatik di kaunter khidmat pelanggan RapidKL dan hab bas terpilih. Selepas pas berjaya diaktifkan untuk pembaharuan secara automatik, anda boleh tambah nilai MyKad atau MyTentera Touch 'n Go di mana-mana premis atau kedai-kedai yang menawarkan khidmat tambah nilai Touch 'n Go untuk bulan-bulan seterusnya. Anda hanya perlu memastikan nilai di dalam pas tidak kurang dari RM35.00 setiap bulan.

8. Bagaimanakah langkah-langkah untuk melanggan Pas Lestari My30 di Kuantan dan Pas Mutiara My30 di Pulau Pinang?

- i) Anda hanya perlu membawa MyKad atau MyTentera ke mana-mana hab bas terpilih di Kuantan atau Penang untuk tujuan pengesahan sebelum mendapat kelayakan untuk melanggan Pas Lestari My30 bagi Rapid Kuantan atau Pas Mutiara My30 bagi Rapid Penang.
- ii) Sila rancangkan terlebih dahulu jadual perjalanan anda sebelum menggunakan rangkaian Rapid Kuantan atau Rapid Penang kami. Pas Lestari atau Pas Mutiara yang dilanggan akan diaktifkan sebaik sahaja anda menyentuh masuk di alat pengimbas kad semasa menggunakan perkhidmatan bas rangkaian Rapid Kuantan atau Rapid Penang. Anda boleh membuat pengaktifan pas untuk pembaharuan pas secara automatik di hab bas terpilih di Kuantan sahaja, manakala Rapid Penang masih belum menawarkan perkhidmatan pembaharuan pas secara automatik. Selepas pas berjaya diaktifkan untuk pembaharuan secara automatik, anda boleh tambah nilai Pas Lestari di hab bas terpilih di Kuantan. Anda hanya perlu memastikan nilai di dalam pas tidak kurang dari RM35.00 setiap bulan.

9. Bilakah saya boleh mula menggunakan pas My30?

Anda boleh menggunakan pas My30 bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.

10. Adakah yuran langganan akan dikenakan keatas langganan pas My30?

Tidak. Anda hanya perlu membayar RM30.00 untuk langganan pas My30 dan sentiasa memastikan nilai minimum RM5.00 sentiasa ada di dalam MyKad atau MyTentera Touch 'n Go anda.

*Nilai minimum RM5.00 tidak perlu ditambah setiap bulan sekiranya anda tidak menggunakan nilai tersebut untuk pembayaran lain.

Bagi pengguna Rapid Kuantan dan Rapid Penang, untuk pemegang baru Pas Lestari dan Pas Mutiara, pembelian kali pertama akan dikenakan bayaran sebanyak RM40 iaitu bayaran RM5 untuk pembelian kad, RM5 untuk caj baki minima kad dan RM30 untuk caj langganan Pas Lestari atau Pas Mutiara.

Bagi pemegang kad MyRapid, anda boleh membawa kad yang sedia ada untuk penukaran kad kepada Pas Lestari atau Pas Mutiara dimana anda perlu membayar RM30 untuk caj langganan My30 dan RM5 untuk caj tambah nilai sekiranya baki kad kurang daripada baki minima. Seterusnya anda cuma perlu membayar nilai iaitu RM30 pada bulan-bulan yang akan datang.

11. Adakah saya akan mendapat kad Touch 'n Go baharu apabila saya melanggan pas My30?

Bagi pengguna Rapid KL, produk My30 akan diaktifkan hanya menggunakan MyKad atau MyTentera sahaja. Manakala bagi Rapid Kuantan dan Rapid Penang, Produk My30 anda akan diaktifkan dengan menggunakan kad Pas Lestari atau Pas Mutiara.

12. Bolehkah saya melanggan pas My30 menggunakan kad Touch 'n Go atau MyRapid?

Tidak. Pas My30 hanya boleh dilanggan menggunakan MyKad atau MyTentera yang mempunyai fungsi Touch 'n Go sahaja. Manakala bagi Rapid Kuantan dan Rapid Penang, Pas My30 hanya boleh dilanggan menggunakan kad Pas Lestari atau Pas Mutiara sahaja.

13. Saya adalah seorang pelajar dan di bawah umur 12 tahun. Saya mempunyai kad pengenalan MyKid dan tidak mempunyai fungsi Touch 'n Go. Bagaimanakah cara-cara untuk melanggan pas My30?

Bagi pelajar yang berumur di bawah 12 tahun, anda hendaklah melanggan menerusi atas talian iaitu Kad Konsesi Pelajar MyRapid . Anda boleh melanggan pas My30 di mana-mana kaunter khidmat pelanggan RapidKL dan hab bas terpilih setelah mendapat kad konsesi anda. Pas My30 akan diaktifkan di dalam kad konsesi anda. Manakala bagi Rapid Kuantan dan Rapid Penang, pelajar yang berumur di bawah 12 tahun, anda boleh melanggan kad Pas Lestari atau Pas Mutiara di mana-mana hab bas terpilih Rapid Kuantan atau kaunter kiosk terpilih Rapid Penang.

14. Bagaimana pula untuk kad konsesi seperti warga emas dan OKU? Bolehkah kami mengaktifkan produk My30 menggunakan kad konsesi kami?

Tidak. Anda perlu melanggan produk My30 menggunakan MyKad bagi Rapid KL manakala bagi Rapid Kuantan dan Rapid Penang, anda perlu melanggan Pas Lestari atau Pas Mutiara.

15. Apakah tempoh sah pas My30?

Tempoh sah pas My30 adalah 30 hari berturut-turut (termasuk hujung minggu dan cuti am). Anda boleh memilih tarikh yang sesuai untuk pengaktifan pas. Tarikh pengaktifan pas My30 bergantung kepada sentuhan pertama pas anda di pintu masuk rangkaian RapidKL, Rapid Kuantan dan Rapid Penang.

16. Seawal bilakah saya boleh melanggan pas My30?

Anda boleh melanggan seawal 30 hari dan pas My30 anda harus diaktifkan dalam masa 30 hari dari tarikh langganan. Sekiranya My30 anda tidak diaktifkan selepas 30 hari, pas My30 anda akan luput secara automatik dan tiada pemulangan wang akan diberikan.

17. Adakah saya akan mendapat diskaun apabila menggunakan pas My30 di rangkaian RapidKL, Rapid Kuantan dan Rapid Penang?

Tidak. Anda tidak akan mendapat diskaun apabila menggunakan pas My30 di rangkaian RapidKL, Rapid Kuantan dan Rapid Penang.

18. Bolehkah pas My30 dipindah milik?

Tidak. Pas My30 diaktifkan dan disahkan menggunakan kad MyKad atau MyTentera, oleh itu ia tidak boleh dipindah milik.

19. Adakah saya perlu sentiasa memastikan nilai minimum Touch 'n GO bagi Rapid KL dan MyRapid bagi Rapid Kuantan dan Rapid Penang sentiasa mencukupi di dalam MyKad atau MyTentera, Pas Lestari dan Pas Mutiara?

Ya, anda perlu sentiasa memastikan nilai minimum Touch 'n GO dan MyRapid sentiasa mencukupi iaitu RM5.00.

20. Saya hanya menggunakan rangkaian rel Rapid KL sahaja. Adakah terdapat Pas perjalanan tanpa had hanya untuk rangkaian rel sahaja?

Tidak. Kami tidak mempunyai pas perjalanan tanpa had yang hanya untuk rangkaian rel.

21. Bolehkah saya menggunakan pas My30 di rangkaian Rapid Penang atau Rapid Kuantan?

Pada masa ini, pas My30 yang dilanggan di Lembah Klang hanya sah untuk perjalanan tanpa had di rangkaian Rapid KL rel dan bas di Lembah Klang sahaja. Begitu juga bagi Pas Lestari dan Pas Mutiara hanya sah untuk perjalanan tanpa had bagi rangkaian bas di Kuantan dan Pulau Pinang sahaja.

22. Bolehkah saya menggunakan pas My30 di KTM Komuter atau ERL?

Pada masa ini, pas My30 hanya sah untuk perjalanan tanpa had di rangkaian RapidKL rel dan bas di Lembah Klang, Rapid Kuantan dan Rapid Penang sahaja.

23. Saya adalah pelanggan (Smart 7/ Smart 30 / My100 / My50). Bolehkah saya melanggan pas My30 dalam pada masa yang sama?

Anda boleh melanggan pas My30 sekiranya langganan pakej Smart anda menggunakan kad generik Touch 'n Go. Sekiranya langganan pakej Smart anda menggunakan MyKad atau MyTentera, anda perlu memastikan tempoh sah pakej Smart tamat dan anda bolehlah melanggan pas My30.

24. Saya masih mempunyai baki hari di dalam pas Smart 7/ Smart 30/ My100 / My50. Bolehkah saya memindahkan baki hari ke pas My30?

Tidak. Baki hari yang sedia ada tidak boleh dipindahkan ke pas My30. Anda harus menggunakan pas Smart 7/ Smart 30/ My100 / My50 sehingga tamat tempoh.

25. Boleh kah saya membuat menamatan awal pas Smart 7 / Smart 30 / My100 / My50 dan mendapat pulangan wang ke atas baki yang sedia ada di dalam pas?

Tidak. Anda tidak boleh membuat menamatan awal pas Smart 7 / Smart 30 / My100 / My50 dan mendapat pulangan wang ke atas baki yang sedia ada di dalam pas.

26. Adakah saya masih boleh menikmati cas kadar rata pada kemudahan RapidKL Park n Ride di LRT atau MRT, selepas pengaktifan My30?

Boleh. Anda masih boleh menikmati cas kadar rata pada kemudahan RapidKL Park n Ride di LRT atau MRT, selepas pengaktifan My30. Tetapi anda harus memastikan pas My30 di sentuh di pintu masuk sebaik sahaja anda menggunakan kemudahan RapidKL Park and Ride dan menggunakan pas yang sama menaikki perkhidmatan RapidKL rel atau bas. Pas My30 ini juga harus digunakan di pintu keluar RapidKL Park and Ride. Tiga Langkah ini harus dilakukan untuk menikmati cas kadar rata pada kemudahan RapidKL Park and Ride.

APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN SEBELUM MELANGGAN PAS MY30?

1. Bagaimanakah cara untuk saya memastikan cip Touch 'n Go di dalam MyKad atau MyTentera berfungsi dengan baik atau tidak?

Cip Touch 'n Go anda boleh dipastikan berfungsi dengan baik atau tidak melalui langkah-langkah berikut:

- Tambah nilai di mana-mana pusat tambah nilai Touch 'n Go (stesen minyak, kedai serbaneka, Kaunter Khidmat Pelanggan Rapid KL dan sebagainya). Jika proses tambah nilai berjaya ini bermakna cip Touch 'n Go di dalam MyKad atau MyTentera anda berfungsi dengan baik; atau
- Anda boleh membuat semakan di mana-mana kaunter Touch 'n Go atau Kaunter Khidmat Pelanggan RapidKL.

2. Apakah yang harus saya lakukan sekiranya cip Touch 'n Go di dalam MyKad atau MyTentera tidak berfungsi?

Sila ke mana-mana pusat Jabatan Pendaftaran Negara sebelum melanggan pas My30.

*Proses penggantian kad baharu untuk MyTentera adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.

3. Untuk melanggan pas My30, adakah saya perlu memastikan sejumlah nilai harus ada di dalam MyKad atau MyTentera bagi Rapid KL dan Pas Lestari atau Pas Mutiara bagi Rapid Kuantan dan Rapid Penang?

Ya, anda harus memastikan nilai RM35.00 ada di dalam MyKad atau MyTentera bagi Rapid KL dan Pas Lestari atau Pas Mutiara bagi Rapid Kuantan dan Rapid Penang (RM30.00 untuk pengaktifan pas My30 dan RM5.00 nilai minimum pas).

4. Adakah saya akan dikenakan cas cukai jualan dan perkhidmatan (SST) apabila melanggan pas My30?

Tidak. Cukai jualan dan perkhidmatan (SST) tidak akan dikenakan apabila anda melanggan pas My30 tertakluk untuk kesemua rangkaian iaitu Rapid KL, Rapid Kuantan dan Rapid Penang.

5. Saya telah melanggan pas My30 menggunakan MyKad yang hanya mempunyai satu foto saya di muka hadapan MyKad. Adakah saya perlu menaik taraf MyKad saya sebelum menggunakan pas My30?

Semua MyKad dengan fungsi Touch 'n Go boleh melanggan pas My30. Jika anda telah berjaya melanggan pas My30 menggunakan MyKad yang hanya mempunyai satu foto anda di muka hadapan MyKad, kami menyarankan anda untuk menaik taraf MyKad anda setelah pas My30 tamat tempoh.

APAKAH YANG HARUS SAYA LAKUKAN SETELAH MELANGGAN PAS My30?

1. Apakah yang harus saya lakukan sekiranya MyKad atau MyTentera rosak dan tidak boleh dibaca selepas melanggan pas My30?

Anda harus membawa MyKad ke pusat Jabatan Pendaftaran Negara untuk proses penggantian kad baharu.

*Proses penggantian kad baharu untuk MyTentera adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.

Anda boleh melakukan proses pemulangan baki pas My30 (sekiranya ada) dengan melampirkan dokumen-dokumen sokongan ke portal kami di www.myrapid.com.my . Pemulangan baki pas My30 akan ditukar kepada nilai wang ringgit. Berikut adalah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk proses pemulangan baki pas My30:

- Nombor MFG MyKad
- Nombor akaun bank
- Nama bank
- Resit langganan pas My30
- Resit bayaran gantian MyKad daripada JPN
- Slip pulangan nilai TNG dari JPN/ Penamatan dari TNG (hanya untuk MyKad)

2. Apakah yang harus saya lakukan sekiranya MyKad atau MyTentera, Pas Lestari dan Pas Mutiara rosak tetapi masih boleh dibaca oleh sistem selepas melanggan pas My30?

Sekiranya MyKad atau MyTentera anda rosak tetapi masih boleh dibaca, baki hari pas My30 yang telah dilanggan akan dipindahkan ke kad generik Touch 'n Go anda.

Setelah pas tamat tempoh, anda haruslah melanggan atau memperbaharui pas My30 di dalam MyKad atau MyTentera yang baharu.

Manakala bagi Pas Lestari dan Pas Mutiara, kad yang sama masih boleh digunakan jika ianya masih boleh dibaca.

3. Bagaimana pula dengan proses pemulangan wang di dalam Touch 'n Go saya?

Anda boleh menghubungi talian khidmat pelanggan Touch 'n Go di 03 - 2714 8888 atau kunjungi mana-mana hab Touch 'n Go untuk proses pemulangan wang.

4. Apakah yang harus saya lakukan sekiranya MyKad atau MyTentera hilang selepas melanggan pas My30?

Anda mesti membuat laporan polis dan ke pusat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang berdekatan untuk proses penggantian MyKad yang baharu.

*Proses penggantian kad baharu untuk MyTentera adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.

Pihak kami tidak akan menerima permintaan pemulangan wang pas My30 sekiranya anda kehilangan MyKad atau MyTentera.

5. Bagaimanakah saya boleh dapatkan pulangan wang untuk pas My30 dan berapa lamakah masa yang akan diambil untuk proses pemulangan wang?

Pulangan wang akan dikreditkan ke akaun bank anda berdasarkan keterangan yang anda berikan semasa proses pemulangan wang secara atas talian. Proses ini mengambil masa 30 hari.

6. Bolehkah saya dapatkan pulangan wang pas My30 dengan serta merta?

Tidak. Pihak kami perlu melakukan proses pengesahan yang terperinci untuk memproses pulangan wang anda.

7. Bilakah saya harus membuat pembaharuan pas My30?

Anda harus memperbaharui pas My30 tujuh (7) hari sebelum atau tujuh (7) hari selepas tarikh luput pas.

8. Bagaimanakah cara untuk memperbaharui pas My30?

Anda mempunyai 2 pilihan:

- 1) Sila ke mana-mana Kaunter Khidmat Pelanggan RapidKL, Rapid Kuantan dan Rapid Penang; atau
- 2) Anda boleh mengaktifkan pembaharuan pas secara automatik dan hanya perlu memastikan baki kad adalah mencukupi pada setiap bulan bagi Rapid KL dan Rapid Kuantan sahaja.

9. Bagaimakah fungsi pembaharuan automatik berfungsi?

Fungsi membaharuan automatik hanya akan diaktifkan bergantung kepada permintaan anda.

Setelah fungsi pembaharuan automatik diaktifkan, pas My30 anda akan diperbaharui secara automatik tujuh (7) hari sebelum atau tujuh (7) hari selepas tarikh luput pas. Sila pastikan baki kad adalah mencukupi pada setiap masa.

Untuk pas My30, nilai baki hendaklah tidak kurang dari RM35.00.

Nilai baki minimum iaitu RM5.00 haruslah dikekalkan pada setiap masa untuk pengaktifan perkhidmatan RapidKL rel, Rapid KL bas dan Rapid Kuantan.

Anda hanya boleh memilih untuk pembaharuan automatik apabila anda sudah menetapkan tarikh pengaktifan pas My30 anda semasa pembelian pertama anda.

10. Adakah saya boleh menyahaktifkan fungsi pembaharuan automatik? Bagaimakah caranya?

Ya, anda boleh menyahaktifkan fungsi pembaharuan automatik di kaunter khidmat pelanggan RapidKL dan hab bas terpilih.

11. Bagaimanakah cara untuk saya mengetahui baki hari pas My30 yang dilanggan?

Baki hari pas My30 akan tertera semasa anda menyentuh pas di skrin pintu masuk LRT/ Monorel/ stesen BRT, atau di mesin bacaan pas semasa anda keluar dari bas RapidKL, bas perantara MRT, Rapid Kuantan dan Rapid Penang.

*Untuk MRT, tarikh luput pas akan tertera di skrin pintu masuk stesen.

Atau anda boleh ke mana-mana Kaunter Khidmat Pelanggan RapidKL, Rapid Kuantan dan Rapid Penang untuk memeriksa bilangan baki hari pas My30.

12. Bolehkah saya menamatkan pas My30 sebelum tamat tempoh?

Tidak. Anda tidak boleh menamatkan pas My30 sebelum tamat tempoh.

13. Bolehkah saya memperbaharui pas My30 di mana-mana kiosk layan diri Touch 'n Go?

Tidak. Anda hanya boleh memperbaharui pas My30 di Kaunter Khidmat Pelanggan RapidKL, hab bas terpilih Rapid KL, Rapid Kuantan dan Rapid Penang sahaja.

14. Berapa lama masa yang akan diambil untuk penggantian MyKad yang baharu?

Pemohon yang memilih untuk mendapatkan MyKad mereka di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), JPN negeri, UTC dan cawangan terpilih boleh melakukannya dalam masa 45 minit. Mereka yang memilih untuk mendapatkan MyKad di mana-mana cawangan JPN Semenanjung Malaysia akan dapat melakukannya dalam masa lima (5) hari bekerja. Cawangan JPN di Sabah dan Sarawak pula akan mengambil masa tujuh (7) hari bekerja. Walaubagaimanapun, ini hanya tertakluk kepada permohonan MyKad yang tidak mempunyai komplikasi.

15. Apakah cas yang dikenakan sekiranya saya hendak memperbaharui MyKad sekiranya ia dalam kondisi yang tidak elok?

Sekiranya cip MyKad anda rosak dalam tahun pertama bukan dengan sengaja atau kerana penyalahgunaan, kad gantian akan dikeluarkan tanpa sebarang bayaran. Tetapi sekiranya kad berusia melebihi tempoh satu tahun, maka bayaran gantian sebanyak RM10.00 akan dikenakan. (Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di RapiKL facebook atau e-mel ke suggest@rapidkl.com.my